

KEPERLUAN PENGURUSAN RISIKO HARTA WAKAF DALAM SKOP PENGURUSAN BENCANA

THE IMPORTANCE OF WAQF RISK MANAGEMENT IN DISASTER SCOPE

Farhana Mohamad Suhaimi ^{1*}
Muhamad Firdaus Ab Rahman ²
Fitriah Wardi ³
Shuhaida Salleh ⁴
Aida Amirah Badiuzzamani ⁵

¹ Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

² Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

³ Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

⁴ Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

⁵ Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: farhanams@usim.edu.my

Article history

Received date : 9-4-2026
Revised date : 10-4-2026
Accepted date : 11-5-2026
Published date : 12-6-2026

To cite this document:

Mohamad Suhaimi, F., Ab Rahman, M. F., Wardi, F., Salleh, S., & Badiuzzamani, A. A. (2026). Keperluan pengurusan risiko harta wakaf dalam skop pengurusan bencana. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 919 – 927.

Abstrak: Harta wakaf memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan sosioekonomi ummah yang bersifat kekal dan berasaskan kebajikan. Penahanan harta atau pemberian manfaat wakaf yang dilaksanakan oleh pewakaf adalah dengan tujuan beribadah iaitu mendekatkan diri kepada Allah dan tujuan kebajikan. Oleh yang demikian, pemegang amanah wakaf bertanggungjawab memastikan harta wakaf dapat dimanfaatkan sebagaimana niat pewakaf dengan memastikan harta wakaf dalam keadaan terjaga dan berfungsi sebaiknya. Namun, harta wakaf turut terdedah kepada pelbagai risiko luar jangka seperti bencana alam yang boleh menjejaskan keupayaan dan kelangsungannya. Kajian ini bertujuan untuk meneliti risiko terhadap harta wakaf dalam menghadapi ancaman bencana. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan analisis kandungan terhadap sumber literatur klasik dan kontemporari, merangkumi kitab fiqh, artikel jurnal, dan dokumen berkaitan wakaf dan risiko. Kajian ini menekankan aspek perlindungan harta wakaf dalam konteks risiko bencana kerana ianya masih kurang diberi perhatian secara sistematik, meskipun terdapat asas yang kukuh dalam tadbir urus wakaf. Melalui sorotan ini, jelas bahawa pengurusan risiko syariah amat diperlukan bagi memastikan aset wakaf kekal lestari dalam jangka masa panjang.

Keywords: wakaf, risiko, pengurusan wakaf, bencana, risiko syariah

Abstract: *Waqf serve important role in supporting the socioeconomic development of the ummah in a permanent and charitable manner. The retention of property or the granting of waqf benefits by the donor (waqif) is intended as an act of worship by seeking closeness to Allah and for charitable purposes. Therefore, waqf trustees are responsible for ensuring that the waqf assets are utilized in line with the waqif's intentions by safeguarding and optimally managing these assets. However, waqf properties are also exposed to various unforeseen risks, such as natural disasters, which can affect their functionality and sustainability. This study aims to examine risks to waqf assets in the face of disaster threats. It employs a qualitative approach using content analysis of both classical and contemporary literature sources, including Fiqh texts, journal articles, and documents related to waqf and syariah risks. The study emphasizes the protection of waqf assets in the context of disaster risk, an area that remains under addressed systematically despite the strong foundations in waqf governance. This review reveals that managing syariah risk is essential to ensure the long-term sustainability of waqf assets, particularly when facing disaster scenarios.*

Keywords: *waqf, risk, waqf management, disaster, syariah risk*

Pengenalan

Wakaf telah menjadi tonggak dalam sistem ekonomi Islam yang memacu kesejahteraan sosial melalui sokongan terhadap sektor pendidikan, kesihatan dan kebajikan. Namun begitu, kelestarian harta wakaf semakin terdedah kepada pelbagai bentuk risiko, khususnya risiko bencana alam seperti banjir, kebakaran, tanah runtuh dan perubahan iklim yang boleh menjejaskan fungsi serta kesinambungan manfaatnya kepada masyarakat.

Seiring dengan perkembangan pesat aset wakaf, peningkatan kekerapan dan intensiti bencana alam di Malaysia turut memberi implikasi langsung terhadap keselamatan fizikal aset wakaf. ini bermkna, situasi ini meningkatkan keperluan terhadap suatu kerangka pengurusan risiko yang lebih proaktif, sistematik dan berteraskan maqasid syariah. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap literatur sedia ada menunjukkan bahawa kebanyakan kajian berkaitan wakaf lebih menumpukan kepada aspek pentadbiran, pembangunan dan produktiviti aset, berbanding perbincangan yang mendalam mengenai pengurusan risiko bencana secara khusus dan berstruktur.

Selain itu, aspek integrasi prinsip syariah seperti Maqasid Syariah, Maslahah dan Fiqh Muamalat dalam pengurusan risiko aset wakaf masih belum dibincangkan secara holistik. Keadaan ini mewujudkan suatu jurang pengetahuan yang signifikan dalam literatur yang sedia ada, khususnya dalam keperluan kepada suatu kerangka syariah yang praktikal dan bersepadu bagi pengurusan risiko terhadap aset wakaf yang terdedah kepada bencana.

Sehubungan itu, kajian ini mengemukakan bahawa terdapat keperluan yang signifikan terhadap pengurusan risiko aset wakaf dalam menghadapi bencana, melalui alternatif yang berasaskan prinsip syariah dan bersifat komprehensif serta praktikal. Pendekatan ini bertujuan memastikan pemeliharaan harta serta kelangsungan manfaat wakaf terus terjamin selaras dengan objektif Maqasid Syariah.

Kajian ini seterusnya menyumbang kepada penambahan literatur dengan mengisi jurang sedia ada melalui cadangan alternatif pengurusan risiko aset wakaf berasaskan Maqasid Syariah, di

samping memberikan panduan kepada institusi wakaf, pembuat dasar dan pihak berautoriti dalam memperkukuh amalan tadbir urus risiko aset wakaf di Malaysia.

Kajian Lepas

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian awal pengkaji, didapati bahawa wujud sejumlah kajian relevan yang boleh dijadikan asas bagi memperkukuhkan hujahan serta mencetuskan keperluan kepada penyelidikan yang lebih mendalam dan berfokus. Namun demikian, analisis lanjut menunjukkan bahawa kajian-kajian tersebut masih bersifat terpisah dan belum mempunyai pendekatan yang bersifat praktikal dan bersepadu, sekali gus mewujudkan keperluan kepada penyelidikan yang lebih mendalam dan berfokus. Kajian ini, dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu, pengurusan risiko, harta wakaf dan bencana.

Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko merupakan suatu proses sistematik yang melibatkan proses mengenal pasti, menilai dan merangka strategi bagi mengurangkan kesan negatif terhadap sesuatu serta memaksimumkan manfaat positif (Darma Yuni et al., 2024). Kepentingan pengurusan risiko aset wakaf ini perlu bagi meningkatkan taraf hidup ummah selain daripada menjamin kecekapan dan produktiviti dalam memberi kesan kepada penerima manfaat (Darma Yuni et al., 2024; Puteri Nur Farah Naadia & Khairuddin, 2021). Terdapat dua objektif pengurusan risiko merangkumi langkah sebelum kerugian seperti pencegahan, pematuhan undang-undang, serta langkah selepas kerugian seperti pemulihan, kestabilan operasi dan tanggungjawab sosial (M.F & A.R, 2021).

Sehubungan itu, beberapa kajian menegaskan bahawa pengurusan risiko perlu diberikan penekanan yang setara dengan aspek pentadbiran bagi memastikan kelangsungan dan kecekapan organisasi (Mohd et al., 2020; Darma Yuni et al., 2024; Mohamad Suhaimi, 2024). Namun demikian, sebahagian kajian masih menekankan aspek pentadbiran dan pematuhan semata-mata, tanpa memberi penekanan kepada pendekatan pengurusan risiko yang lebih proaktif dan berasaskan nilai syariah. Kegagalan dalam mengurus risiko aset wakaf secara sistematik boleh menyebabkan kerugian dan kerosakan aset tersebut sehingga menjejaskan manfaat kepada golongan yang berkenaan (Puteri Nur Farah Naadia & Khairuddin, 2021). Justeru itu, wujud keperluan untuk memperkukuh pendekatan pengurusan risiko yang bukan sahaja bersifat teknikal, tetapi juga berasaskan prinsip Maqasid Syariah bagi memastikan pemeliharaan harta dapat direalisasikan secara menyeluruh.

Wakaf

Wakaf merupakan satu amalan yang menyerahkan sebahagian harta untuk dimanfaatkan oleh orang lain dan niat ibadah ke jalan Allah SWT (Sulong & Zulkfli, 2022). Tidak dinafikan juga bahawa wakaf mampu memberi sumbangan kepada aspek sosio ekonomi ummah Islam serta membantu menyelesaikan masalah-masalah yang wujud dalam kalangan ummah seperti fasiliti pendidikan, kesihatan dan lain-lain. (Salwani Mustapa et al., 2022; Zakaria et al., 2019; Kahf, 2003).

Perbincangan bidang wakaf menunjukkan tumpuan yang ketara terhadap aspek perundangan, tadbir urus dan akauntabiliti institusi wakaf, terutamanya dalam konteks pentadbiran oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (W. M. A. F. Wan Ab Rahaman et al., 2021; Mohamad, 2022). Namun demikian, aspek pengurusan risiko terhadap harta wakaf masih kurang diberikan perhatian secara menyeluruh, khususnya dalam bentuk kerangka sistematik dan bersepadu. Menurut Khalid et al. (2018), pengurusan wakaf biasanya lebih menumpukan kepada mengikuti

undang-undang dan memastikan keterbukaan, tetapi kurang memberi perhatian kepada pengurusan risiko dengan lebih aktif. Tambahan pula, Wan Mohd Al Faizee dan Ishak (2025) dengan ketiadaan fungsi khusus dalam pengurusan risiko untuk organisasi wakaf boleh memberi kesan negatif kepada pemeliharaan harta dan perkembangan portfolio wakaf dan ianya penting apabila menghadapi ancaman seperti bencana alam dan ketidakpastian ekonomi. Oleh itu, penting untuk membina sistem pengurusan risiko yang lengkap dalam menghadapi bencana serta berdasarkan Maqasid Syariah.

Bencana

Bencana adalah kejadian yang boleh menjejaskan aktiviti masyarakat dan mampu meragut nyawa (Mohd Zainol et al., 2022). Ianya menjadi salah satu punca yang sering melanda negara dan perlu diberi perhatian serius, yang mana hampir setiap tahun banjir ini memberi kesan besar kepada masyarakat serta aset-aset penting termasuk harta wakaf (Fathira et al., 2023; Mohd Noor & Mohd Noor, 2021). Kajian lepas menunjukkan bahawa bencana memberi kesan kepada kerosakan fizikal dan kehilangan dokumen penting serta membuka ruang kepada penyalahgunaan dan kehilangan hak milik aset wakaf (Sulistiani et al., 2024; Akhir et al., 2023).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian bencana lebih tertumpu kepada pengurusan kecemasan dan bantuan kemanusiaan, tanpa mengaitkannya secara langsung dengan pengurusan aset wakaf. Justeru itu, perkara ini turut memberi impak yang besar terhadap aset wakaf sekiranya tiada sistem pengurusan risiko yang mantap dan praktikal untuk dilaksanakan (W. M. A. F. A. Wan Ab Rahaman et al., 2021).

Berdasarkan analisis kajian lepas, jelas bahawa pengurusan risiko memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan kelestarian aset wakaf agar terus terpelihara dan memberi manfaat berterusan kepada ummah pada masa hadapan. Sehubungan itu, wujud jurang yang memerlukan penelitian lebih sistematik bagi memahami pengurusan risiko bencana secara praktikal dalam konteks aset wakaf. Walau bagaimanapun, ketiadaan pendekatan yang mengintegrasikan prinsip syariah dalam pengurusan bencana menunjukkan bahawa pengurusan risiko aset wakaf masih belum bersifat holistik dan menyeluruh dalam menghadapi cabaran bencana semasa.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk sorotan literatur bagi memastikan proses pemilihan, penapisan dan sintesis literatur dilaksanakan secara sistematik dan telus. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan analisis literatur dijalankan secara berstruktur serta meminimumkan bias pemilihan kajian. Proses pengumpulan data melibatkan carian literatur dalam pangkalan data akademik utama iaitu *Scopus*, *Web of Science* dan *Google Scholar*, selain sumber tambahan seperti berita semasa dari paparan akhbar. Strategi carian literatur dibangunkan menggunakan kombinasi kata kunci seperti “pengurusan risiko”, “pengurusan wakaf” dan “bencana”.

Kriteria inklusi kajian ini adalah meliputi artikel jurnal berindeks *Scopus* dan *Web of Science*, diterbitkan dalam tempoh 2015 hingga 2025, berkaitan dengan pengurusan wakaf, pengurusan risiko atau pengurusan bencana, serta mempunyai teks penuh yang boleh diakses dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, pendekatan sorotan literatur ini membolehkan proses literatur dijalankan secara sistematik, telus dan berstruktur. Hasilnya, kajian ini berupaya menghasilkan pemahaman yang lebih komprehensif terhadap pengurusan

risiko syariah bagi aset wakaf dalam konteks bencana serta menyokong pembentukan kerangka konseptual yang lebih kukuh dan berasaskan bukti empirikal.

Perbincangan

Terdapat beberapa hasil kajian yang diperoleh untuk keperluan pengurusan risiko aset wakaf, antaranya menunjukkan keperluan kepada pengurusan risiko harta wakaf dalam aspek bencana bagi memastikan perlindungan aset dan kesinambungan manfaat wakaf.

Risiko ditakrifkan sebagai penyebab utama ketidakpastian dalam sesebuah organisasi dan ianya turut meningkatkan kebarangkalian berlakunya kerosakan, kecederaan, kerugian atau insiden negatif lain yang berpunca daripada kelemahan dalaman mahupun faktor luaran organisasi (Rahaimi Rashid et al., n.d.). Risiko turut diertikan dengan keadaan di mana ada ketidakpastian yang boleh menyebabkan masalah atau kerugian bagi syarikat kewangan yang mengikuti prinsip syariah (Amalia Putri & Qadariyah, 2023). Malah ianya sering dikaitkan dengan peristiwa yang tidak diingini yang menghasilkan kesan negatif (Ehsan et al., 2025).

Pengurusan risiko di definisikan dengan melibatkan proses menilai dan mengawal risiko (Abdullah et al., 2016). Pengurusan risiko yang berkesan membolehkan pengawalan pelbagai jenis risiko, mengenal pasti cabaran berpotensi, serta menyokong perancangan pembangunan organisasi secara sistematik (Mohd et al., 2020). Oleh itu, beberapa kajian menunjukkan bahawa ketiadaan pengurusan risiko yang berkesan bukan sahaja boleh mengakibatkan kerugian dari segi kewangan dan aset, malah turut menghalang harta wakaf daripada memberikan manfaat kepada golongan yang memerlukan, terutamanya semasa situasi krisis atau bencana (Khalid et al., 2018).

Pengurusan risiko dari sudut syariah tidak sekadar bertujuan untuk perlindungan, tetapi juga mengatur bentuk dan tahap risiko agar selaras dengan prinsip keadilan, ketelusan dan tanggungjawab (Dusuki & Bouheraoua, 2011). Dengan pendekatan Islam dalam pengurusan risiko, ia mampu menawarkan suatu kaedah yang dapat menyokong kestabilan sistem kewangan tanpa perlu meniru sepenuhnya amalan operasi konvensional (Bousslama & Lahrichi, 2017). Hal ini kerana, pengurusan risiko berteraskan syariah tidak semestinya memberi kesan kepada prestasi institusi malah sebaliknya, pendekatan ini berpotensi untuk meningkatkan tahap ketelusan dan integriti sejajar dengan prinsip asas tadbir urus Islam (Obaidullah, 2011). Pengurusan risiko aset wakaf perlu bagi pengurusan bencana agar dapat membantu pengurusan wakaf untuk merancang dan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya bencana berlaku.

Fenomena bencana alam lazimnya merupakan kejadian yang berlaku di pelbagai bentuk muka bumi dan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda serta kerosakan alam sekitar (Mat et al., 2021). Di Malaysia, banjir merupakan fenomena alam yang kerap berlaku dan berpotensi menjadi bencana besar, kerana ia boleh mengakibatkan kerosakan ketara terhadap kehidupan penduduk, infrastruktur, serta kestabilan ekonomi di kawasan terjejas (Yusoff & Abdul Aziz, 2017). Kejadian bencana menuntut perancangan dan pengurusan yang teratur, di mana aspek kesediaan turut menjadi elemen penting yang dikaji dalam fasa persiapan, tindak balas serta pemulihan selepas bencana (Che Hussin & Pandian, 2023). Dalam pada itu, risiko bencana juga berpotensi besar untuk menjejaskan kelangsungan manfaat jangka panjang wakaf dan lebih lagi sekiranya aset wakaf tidak dilindungi dengan pengurusan risiko yang sistematik dan berasaskan prinsip Syariah (W. M. A. F. Wan Ab Rahaman & Ishak, 2025).

Ketiadaan pelan langkah perlindungan dan respons bencana yang berstruktur boleh mengakibatkan kerugian besar kepada nilai fizikal aset serta menjejaskan fungsi sosial dan ekonomi wakaf terhadap ummah. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal aset wakaf perlu menitikberatkan bukan sahaja dari segi tadbir urus, tetapi juga dari aspek kemampuan menghadapi risiko luar jangka. Di sinilah pentingnya pembentukan pengurusan risiko syariah yang berlandaskan prinsip Maqasid Syariah untuk pemeliharaan harta dan nyawa. Pendekatan ini mampu memberikan keseimbangan antara tuntutan syariah dan keperluan teknikal pengurusan, sekali gus meningkatkan kecekapan institusi wakaf dalam menangani bencana dan memastikan manfaat wakaf terus lestari.

Hasil kajian yang ke dua menunjukkan keperluan penerapan Maqasid Syariah dalam pengurusan risiko bencana, bagi memastikan setiap perancangan dan tindakan pengurusan harta wakaf berlandaskan prinsip syariah. Pengurusan risiko syariah adalah untuk memastikan setiap langkah yang diambil dalam menangani risiko tidak bercanggah dengan prinsip dan nilai Islam (Ismail, 2018). Kepatuhan terhadap syariah bukan sahaja memastikan sesuatu amalan adalah sah dari segi undang-undang, tetapi juga menjadikan proses pengurusan risiko sebagai satu bentuk ibadah. Maqasid Syariah berperanan sebagai panduan penting dalam menyeimbangkan pemeliharaan harta, perlindungan kepentingan masyarakat, serta penegakan prinsip keadilan dan amanah dalam pengurusan wakaf (Ahmad & Ifwat Ishak, 2020).

Maqasid syariah merupakan sebuah penelitian yang menyeluruh dan mendalam terhadap nas-nas yang diturunkan oleh Allah kepada manusia dan telah memberikan pelbagai panduan yang komprehensif (Alias et al., 2018). Objektif maqasid syariah adalah dengan fokus utama kepada pemeliharaan lima prinsip asas agama, nyawa, akal, keturunan dan harta demi masalah manusia secara menyeluruh (Gunardi, 2019). Ini termasuk dalam aspek pencegahan kerugian harta wakaf (hifz al-mal), perlindungan terhadap nyawa dan keselamatan masyarakat (hifz al-nafs) (Dusuki & Bouheraoua, 2011a).

Dengan panduan yang terkandung dalam Maqasid Syariah, aspek perlindungan dan pemeliharaan harta serta keutamaan-keutamaan lain dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan holistik. Ini kerana Maqasid Syariah melihat secara menyeluruh kepada keperluan dan kesejahteraan ummah. Namun begitu, pelaksanaan pengurusan wakaf masa kini, masih kurang berteraskan prinsip Maqasid Syariah, sehingga memberi kesan terhadap keputusan dan tindakan yang diambil oleh pihak bertanggungjawab dalam memastikan kelestarian serta kesejahteraan harta wakaf (Mohamed Fisol et al., 2021).

Justeru itu, dengan menjadikan Maqasid Syariah sebagai teras utama dalam pengurusan risiko, segala langkah yang dirancang dan dilaksanakan akan lebih terarah kepada pematuhan syariah serta perlindungan hak pewakaf dan pentadbir wakaf. Ini selari dengan objektif utama Maqasid Syariah merangkumi peringkat perancangan, pencegahan, pelaksanaan tindakan, hingga kepada pemulihan manfaat wakaf dan pengkaji mendapati bahawa wujudnya keperluan pengurusan risiko syariah bagi harta wakaf berteraskan Maqasid Syariah dalam menangani risiko bencana agar masih memelihara perkara yang utama (Khalid et al., 2018).

Di samping itu, pengurusan risiko syariah yang sistematik akan mengukuhkan lagi kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf, kerana ia memperlihatkan komitmen institusi dalam memastikan aset yang diamanahkan terus terpelihara dan dimanfaatkan secara optimum. Ini sejajar dengan matlamat utama wakaf sebagai suatu kebajikan berasaskan tauhid, amanah, dan kebertanggungjawaban sosial. Inisiatif ke arah pembentukan pengurusan risiko syariah bukan

lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan bagi memastikan wakaf kekal relevan, mampan, dan mampu menghadapi cabaran bencana alam serta ketidakpastian masa hadapan dengan lebih bersedia dan berstrategi. Oleh itu, keperluan terhadap kajian lanjut yang membangunkan satu pengurusan risiko syariah yang praktikal, khusus untuk harta wakaf di Malaysia, amatlah signifikan (Sulistyowati, 2018).

Demi memenuhi objektif wakaf agar tidak terhalang, isu bencana perlu dibahasakan dan menjadi isu syariah yang serius. Dalam konteks pengurusan wakaf Islam, risiko syariah merujuk kepada sebarang kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya pelanggaran terhadap prinsip dan kehendak syariah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam proses pentadbiran, penyelenggaraan serta penggunaan harta wakaf. Risiko ini menjadi lebih signifikan apabila melibatkan situasi bencana yang mampu menjejaskan keutuhan dan kelangsungan harta wakaf.

Hasil kajian yang ketiga bagi keperluan pengurusan risiko adalah penerapan aspek risiko syariah dalam pengurusan risiko. Secara khususnya, risiko syariah terhadap harta wakaf dalam menghadapi bencana merangkumi beberapa aspek penting. Aspek yang pertama ialah kemusnahan fizikal aset wakaf seperti bangunan, tanah atau infrastruktur yang diwakafkan, yang secara langsung mengancam kelangsungan manfaat wakaf kepada penerima wakaf. Kedua, kegagalan untuk menyalurkan manfaat wakaf seperti yang dikehendaki oleh pewakaf, secara tidak langsung menjejaskan objektif utama kewujudan wakaf iaitu ke arah manfaat kebajikan yang berterusan.

Ketiga, risiko tersebut merangkumi pelanggaran amanah pewakaf, iaitu kekhilafan institusi pengurusan wakaf dalam memelihara, melindungi, dan mengurus aset wakaf selaras dengan niat asal serta syarat-syarat yang ditetapkan. Keempat, ia berpotensi mengakibatkan ketidakpatuhan terhadap prinsip Maqasid Syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan harta. Kekangan dalam menangani risiko secara berkesan boleh menimbulkan kemudaratan kepada masyarakat, sama ada melalui kehilangan manfaat ekonomi ataupun risiko keselamatan fizikal bagi penerima manfaat. Sehubungan itu, pengenalpastian dan pengurusan risiko syariah terhadap harta wakaf dalam konteks bencana adalah suatu keperluan kritikal bagi memastikan kelestarian, keberkesanan, dan kesinambungan fungsi harta wakaf.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan risiko terhadap aset wakaf dalam menghadapi bencana masih merupakan bidang yang kurang diberi penekanan dalam kajian dan amalan semasa. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek tadbir urus dan pembangunan aset, manakala perbincangan berkaitan strategi pencegahan dan langkah-langkah pemulihan terhadap risiko bencana masih belum dibangunkan secara menyeluruh, khususnya dengan berlandaskan syariah yang holistik.

Dapatan juga memperlihatkan bahawa ketiadaan plan pengurusan risiko yang sistematik dan praktikal boleh menjejaskan keutuhan aset wakaf, serta menyekat objektif utama wakaf untuk memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat. Dalam konteks ini, integrasi prinsip pengurusan risiko moden diperlukan dan nilai-nilai Maqasid Syariah amat digunakan bagi memastikan aset wakaf bukan sahaja kekal terpelihara, tetapi juga terus berfungsi sebagai pemangkin pembangunan ummah.

Oleh itu, adalah wajar untuk disarankan agar wujud satu inisiatif pengurusan risiko yang bersifat komprehensif dan berteraskan Maqasid Syariah dibangunkan secara serius oleh pihak

yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terhadap wakaf. Pengurusan ini perlu merangkumi elemen pencegahan, perlindungan, tindak balas kecemasan dan pemulihan pasca bencana, agar pengurusan harta wakaf dapat dijalankan dengan lebih praktikal, bertanggungjawab dan selaras dengan kehendak syariah serta cabaran semasa.

Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 2023 yang bertajuk: Kerangka Pengurusan Risiko Aset Wakaf Dalam Aspek Bencana dan Force Majeure di Malaysia Berteraskan Maqasid Syariah, No Kod Penyelidikan USIM/FRGS/FSU/KPT/50223

Rujukan

- Abdullah, S. F., Yusof, M. M., & Jambari, D. I. (2016). Model pengurusan risiko perancangan sistem maklumat di sektor awam. *Jurnal Pengurusan*, 48. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2016-48-12>
- Ahmad, A. A., & Ifwat Ishak, M. S. (2020). Realizing Maqasid Al-Shariah Governance: A Case Study Of Islamic Banking Institutions Malaysia. In *International Journal of Islamic Economics and Finance Research* (Vol. 3, Number 2). <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/ijiefer36>
- Akhir, N. Md., Tengku Adam Azli, T. S. E., Ibrahim, F., Amin, A. S., Zakaria, S. M., Mohamad, M. S., & Azman, A. (2023). Penerokaan Sumber Dalaman Mangsa Banjir Bagi Pemeraksanaan Komuniti dalam Pengurusan Bencana Banjir di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(7), e002433. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2433>
- Bousslama, G., & Lahrichi, Y. (2017). Uncertainty and risk management from Islamic perspective. *Research in International Business and Finance*, 39, 718–726. <https://doi.org/10.1016/j.ribaf.2015.11.018>
- Che Hussin, Z., & Pandian, S. (2023). Kesedaran Mahasiswa Dalam Kesiapsiagaan Memberi Bantuan Bencana Banjir. *Asian Social Work Journal*, 8(5), e00273. <https://doi.org/10.47405/aswj.v8i5.273>
- Fathira, N., Mansor, A., Norliati Fitri Md Nor, N., Rafidah Asyikin Idris, N., Masayu, S., Rashid, R. A., Yusoff, I. M., Kemarau, R. A., Geografi, B., Pendidikan, P., & Jauh, J. (2023). Bencana Banjir dan Impak terhadap Penduduk: Kajian Kes di Kedah Flood Disaster and Impact on Residents: Case Study in Kedah. *Flood Disaster and Impact on Residents: Case Study in Kedah. GEOGRAFI*, 11(1), 44. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol11.1.3.2023>
- Gunardi, S. (2019). Maqasid Shariah And Applications In The Coexistence Of The Muslim And Non-Muslim. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 31–39. <https://doi.org/10.35631/irjsmi.12004>
- M.F, P. N. F. N., & A.R, K. (2021). Shariah compliance risk management in the provision of wakaf-zakat housings. *International Journal of Islamic Thought*, 19(1), 102–109. <https://doi.org/10.24035/IJIT.19.2021.200>
- Mohamad, N. A. (2022). Risk Management in Waqf Administration in Malaysia. *Journal of Financial Technologies (FinTech), Inclusion and Sustainability*, 1(1), 1–8. <https://doi.org/10.52461/jftis.v1i1.1792>
- Mohamad Suhaimi, F. (2024). Keperluan Mengenalpasti Risiko Dalam Proses Istibdal Harta Wakaf. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(1), 1–10. <https://doi.org/10.24191/jcis.v10i1.9>

- Mohamed Fisol, W. N., Abu Bakar, M., & Ahmad Akli. (2021). Waqf Property Management Through the Maqasid Al-Shariah Approach. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(03), 28–31. <https://doi.org/10.47750/cibg.2021.27.03.004>
- Mohd Zainol, N. A., Roslan, N. H., M. Z, R., & Yaacob, S. (2022). Pengurusan risiko bencana: Membentuk kesedaran komuniti terhadap peredaan dan persiapan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 18(2). <https://doi.org/10.17576/geo-2022-1802-04>
- Puteri Nur Farah Naadia, M. F., & Khairuddin, A. R. (2021). Shariah compliance risk management in the provision of wakaf-zakat housings. *International Journal of Islamic Thought*, 19(1), 102–109. <https://doi.org/10.24035/IJIT.19.2021.200>
- Sulistiani, S. L., Nurrachmi, I., & Fawzi, R. (2024). Recovery of Wakaf Assets Post Natural Disasters according to Islamic Law and Positive Law. *Al-Muamalat: Jurnal Ekonomi Syariah*, 11(2), 238–250. <https://doi.org/10.15575/am.v11i2.35017>
- Wan Ab Rahaman, W. M. A. F. A., Yaacob, S. E., Haron, M. S., & Ishak, S. (2021). Pengurusan Risiko Menurut Perspektif Syarak: Satu Kajian Tinjauan Di Institusi Wakaf Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Terpilih. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 100–113. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.822>
- Wan Ab Rahaman, W. M. A. F., & Ishak, S. (2025). Proposed Risk Management Framework for the Development Waqf Asset Portfolio in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, VIII(XII), 2001–2012. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.8120169>
- Zakaria, M. Z., Salleh, A. Z., Hasbullah, M., Ismail, A. M., Abdul Majid, M. N., Mohd Dali, N. R. S., & Ab Jalil, M. A. (2019). Wakaf Sukuk – Pembangunan Aset Wakaf Melalui Sukuk Berdasarkan Konsep Istibdal. *Journal of Fatwa Management and Research*, 151–159. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol16no2.12>